

# Produktiviti Malaysia 3.8 peratus

UM-20/5/2006

SHAH ALAM 19 Mei - Negara diunjurkan menikmati pertumbuhan produktiviti kira-kira 3.8 peratus dan produktiviti faktor menyeluruh (TFP) pada kadar 2.2 peratus tahun ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, bagi mencapai pertumbuhan tersebut, tahap pro-

duktiviti dan daya saing ekonomi negara perlu dipertingkatkan terutama dari aspek modal insan, teknologi dan operasi pengendalian perniagaan.

"Golongan pekerja perlu berusaha untuk meningkatkan pengetahuan manakala usahawan seharusnya mencari jalan untuk menjadi lebih kreatif, inovatif dan mengha-

silkan produk berdaya saing menerusi operasi yang cekap dan berkesan," katanya.

Beliau berucap pada majlis makan malam bagi melancarkan Laporan Produktiviti 2005 dan meraikan para pemegang anugerah produktiviti 2005 anjuran Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) di sini malam ini.